

DATE: 17/08/2007

Nostalgia Bandar Hilir berulang kembali

BH 17/8/2007

LIMA puluh satu tahun lalu, kira-kira 100,000 orang membanjiri Bandar Hilir Melaka. Kehadiran mereka di situ kerana tidak sabar untuk mendengar berita gembira daripada Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj (Almarhum) yang baru pulang dari London. Mereka datang dari seluruh pelosok negara.

Tunku dan rombongannya tiba di Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka kira-kira jam 11.00 pagi pada 21 Februari 1956. Rombongan mereka disambut oleh Pengerusi Jawatankuasa Sambutan, Ghaffar Baba (Allahyarham Tun), Pemuda Umno dan orang ramai.

Tunku, Datuk Panglima Bukit Gantang, Toh Muda Abdul Wahab Abdul Aziz dan Leong Yew Koh diarak dengan sebuah kereta berwarna hitam bernombor M 4442. Dari Batu Berendam, mereka ke Kelebang untuk berehat di rumah Tan Cheng Lock (Tun). Rombongan itu diiringi pasukan Pemuda Umno yang bermotosikal.

Di sepanjang jalan, orang ramai bersorak gembira sambil melaungkan 'Merdeka'. Kira-kira jam 3.30 petang, rombongan merdeka tiba di Padang Bandar Hilir. Lebih 100,000 orang menanti di situ. Ahli Rombongan merdeka, Tan Cheng Lock, V T Sambanthan dan Ghaffar berada di atas pentas.

Ketika di pentas, Tunku dihadiahkan peta Tanah Melayu termasuk Singapura oleh Ketua Umno Singapura, Abdul Hamid Jumat dan sebilah keris oleh Kaum Ibu Umno Melaka iaitu Zainab Samdin.

Ketika berucap di situlah Tunku Abdul Rahman membaca Watakah Perisytiharan Tarikh Kemerdekaan yang disusun oleh Senu Abdul Rahman (Datuk), Syed Nasir Ismail (Tun) dan beberapa orang lagi.

Pada perhimpunan itu, Tunku menyampaikan berita gembira mengenai kejayaan rundingan di London dan mengisytiharkan tarikh Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Pengumuman Tunku itu disambut tepukan gemuruh orang ramai. Sejam selepas itu, rombongan merdeka berlepas ke Kuala Lumpur.

Kini tapak sejarah Bandar Hilir, Melaka sudah diberi nama baru iaitu Dataran Pahlawan. Apakah 100,000 orang akan membanjiri dataran itu 51 tahun lalu akan berulang pada malam ini?

Pengerusi Jawatankuasa Induk Perayaan Merdeka 50, Datuk Seri Dr Rais Yatim yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan serta Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam mengharapkan kehadiran yang ramai.

"Kita memang mengharapkan lebih ramai hadir kerana perayaan sambutan kemerdekaan kali ini adalah yang ke-50. Kita ingin mencatat sejarah baru," kata Rais

Pada sambutan malam ini, pemimpin negara termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hadir. Rais dan Mohd Ali dijadualkan bersama mereka menaiki kereta jenis 'Nash Rambler' tahun 1951 bernombor M 4442 yang digunakan Tunku dalam perarakan itu.

Kereta Nash Rambler 1951 selamat tiba dari Amerika Syarikat di Terminal Kargo Mas pada 13 Ogos lalu. Perjalanan kereta itu sendiri mengambil masa 17 hari. Sepanjang tempoh itu kereta itu di Detroit, Chicago, Anchorage (Alaska) dan Tokyo untuk melalui pelbagai proses terutama urusan pengesahan dokumen pembelian dan pemeriksaan kastam.

Jika dulu rombongan Tunku bertolak dari Batu Berendam, tetapi kali ini perarakan bermula dari Hotel Renaissance menuju ke Dataran Pahlawan. Jika perarakan itu ingin bermula dari Batu Berendam ia mengambil masa lebih sejam.

Tetamu Kehormat yang lain juga akan menaiki kereta antik pada perarakan itu. Kemeriahan yang dilakarkan pada 20 Februari 1956 itu akan berulang dan mencatat sejarah tersendiri.

Apatah lagi pada Pelancaran Sambutan Kemerdekaan kali ini, Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Mohd Khalil Yaakob dan beberapa Menteri Kabinet dan Timbalan Menteri turut hadir.

Di belakang kenderaan yang dinaiki Perdana Menteri dan tetamu kehormat, disertai Konvoi 46 buah motosikal klasik dengan penunggangnya mengenakan baju dan berseluar putih serta bersongkok sebagai tanda mewakili Umno, manakala yang tidak bersongkok mewakili MCA dan MIC.

Perbarisan sepanjang laluan konvoi disertai kira-kira 6,000 orang yang mewakili parti politik. Mereka akan berbaris di kiri kanan jalan laluan konvoi dari Hotel Renaissance dan bergerak bersama konvoi sehingga ke Dataran Pahlawan.

Jika sebelum merdeka dulu, orang ramai datang dengan sepanduk sebagai menyatakan sokongan padu kepada kepimpinan Tunku, jawatankuasa perayaan kali ini cuba menampilkan kira-kira 10,000 orang yang akan memegang sepanduk seperti kain rentang dan banting.

Jika dulu Tunku membaca watakah Pengisytiharan Kemerdekaan tetapi kali ini Abdullah akan membaca watakah Pengisytiharan Kemerdekaan ke-50. Pendek kata, nostalgia 1956 akan cuba diulang di tempat bersejarah. Ini menjadikan acara ini tidak boleh diabaikan oleh orang ramai.

(Rencana ini sumbangan Sekretariat Media Kemerdekaan Negara ke-50)